

# IQRA'



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Perpustakaan  
Tun Abdul Razak

أقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

The banner features a purple background with gold geometric patterns. At the top, there's a decorative border with hanging lanterns and a crescent moon. In the center, four people are shown: a woman in a pink hijab, a man in a grey suit and red tie, a man in a black suit and blue tie, and a man in a dark blue shirt. Below them is a graphic for 'World #QuranHour' with the text 'World Of Compassion', 'Al-Mulk', '24 RAMADAN 1442H / 6 MAY 2021', and '.... a beginning'. The bottom section contains several live event boxes with titles like 'Tazkirah Ramadhan', 'Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara', 'Nasib Si Penyu', and 'Sesi Chat Time PTAR 2021'. Each box includes a thumbnail of the speaker and a page number (e.g., m/s 6, m/s 7, m/s 13, m/s 15). The footer includes the library's logo and the text 'Hak Cipta Terpelihara PTAR'.

**LIVE HD** Majlis Khatam Al-Quran dan Bacaan Surah Al-Mulk UiTM Cawangan Sarawak **m/s 26**

**LIVE HD** Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara UiTM Cawangan Shah Alam **m/s 7**

**LIVE HD** Tazkirah Ramadhan : Andainya Ini Ramadhan Terakhir UiTM Cawangan S. Alam **m/s 6**

**LIVE HD** Nasib Si Penyu Di Pantai Ganu UiTM Cawangan Terengganu **m/s 13**

**Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama Penolong Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan** **m/s 15**

Hak Cipta Terpelihara PTAR



BULLETIN

**LIBRARY OUTREACH@PTAR**

**FAKULTI SAINS GUNAAN**

20 MEI 2021

BULETIN



Disediakan oleh : Nor Sabariah Mansor

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK  
CAWANGAN SHAH ALAM

SILA DOWNLOAD MAKLUMAT  
PERPLISTAKAAN DIGITAL



<https://ir.vutm.edu.my/id/eprint/11214>



Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM dengan kerjasama Fakulti Sains Gunaan telah menganjurkan Program Library Outreach@PTAR, di Fakulti Sains Gunaan secara atas talian pada 20 Mei 2021, dari 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari. Program tersebut disertai oleh 124 orang Staf Akademik dan 4 orang penceramah dari Perpustakaan Tun Abdul Razak. Program Library Outreach@PTAR ini dianjurkan bertujuan untuk memberi penerangan mengenai peranan dan tanggungjawab Pegawai Perhubungan Perpustakaan, memberi penerangan mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Perpustakaan kepada warga Fakulti Sains Gunaan. Antara pengisian menarik Program Library Outreach @PTAR adalah Penerangan Program Library Outreach dan PTAR Intellectual Discourse.

Aktiviti dimulakan dengan penerangan dan pendedahan ringkas tentang Program Library Outreach@PTAR yang disampaikan oleh Encik Jamalludin bin Hj. Sulaiman, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, diikuti dengan sesi Intellectual Discourse. Sesi ini merupakan taklimat mengenai perpustakaan berdasarkan 5 Modul Library Outreach, disampaikan oleh Cik Nor Sabariah bt Mansor, Pegawai Perhubungan Perpustakaan bagi Fakulti Sains Gunaan. Modul pertama iaitu LOP100 iaitu Proses Cadangan Pembelian Bahan Perpustakaan menggunakan Sistem WILS, diikuti modul kedua, LOP101 Repositori Universiti (Dasar Penyerahan Bahan Harta Intelek UiTM/Pemilikan Bahan Silibus & PTAR Public Repository. Seterusnya, modul ketiga iaitu LOP102 Pengurusan Rekod Universiti telah disampaikan oleh Encik Abdul Razak bin Abdul Rahman, Pustakawan Kanan. Penerangan mengenai modul keempat, LOP103 Sokongan Penyelidikan telah disampaikan oleh Encik Mohd Ismail bin Abidin, Timbalan Ketua Pustakawan. Modul terakhir iaitu Modul LOP104 Perpustakaan Digital PTAR/Perkhidmatan dan Kemudahan kemudiannya disampaikan oleh Tn. Hj. Ahmad Faizar, Pustakawan Kanan.

*Program Library Outreach ini diharap bukan sahaja dapat memberi pendedahan kepada peserta tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di Perpustakaan UiTM, malah dapat meningkatkan penggunaan perkhidmatan digital perpustakaan di kalangan warga fakulti.*